



PETIKAN AKHBAR

Tarikh daftar, kemas kini BPR dilanjutkan sehingga 25 Feb – Tengku Zafrul

PETIKAN AKHBAR | 15 FEBRUARI 2021



JEMPOL, 14 Feb – Tarikh pendaftaran baharu dan kemas kini bagi Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) yang sebelum ini dibuka dari 15 Jan - 15 Feb, kini dilanjutkan sehingga 25 Feb, kata Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Dalam kenyataan hari ini, beliau berkata ia bagi memastikan BPR diterima oleh mereka yang layak serta mengambil kira Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan di hampir seluruh negara ketika ini.

Hanya pemohon yang tidak pernah menerima Bantuan Sara Hidup (BSH) 2020 atau Bantuan Prihatin Nasional (BPN) B40, serta isi rumah berpendapatan RM5,000 dan ke bawah sebulan perlu membuat permohonan baharu.

“Ini termasuk golongan mudah terjejas baharu yang layak memohon akibat perubahan status pendapatan mereka ekoran impak penularan COVID-19.

“Dengan adanya proses pendaftaran baharu/kemas kini ini, sebahagian daripada mereka yang tidak lulus dan beli menerima BPR masih berpeluang untuk mengemukakan permohonan untuk diverifikasi semula,” katanya.

Penerima BSH 2020 dan BPN B40 yang lulus sebelum ini tidak perlu membuat pendaftaran baharu atau kemas kini sekiranya tiada sebarang perubahan maklumat.

Tengku Zafrul berkata pembayaran Fasa 1 BPR akan dipercepatkan kepada penghujung Februari ini seperti yang diumumkan dalam Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) pada 18 Januari lepas, manakala bayaran Fasa 2 pula dijangka dibuat awal Mei.

Setakat ini, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) menerima hampir 550,000 permohonan baharu yang perlu diverifikasi dan disemak silang di dalam sistem dan proses itu turut melibatkan 25 agensi kerajaan termasuk Jabatan Pendaftaran Negara dan LHDN untuk memastikan hanya yang layak diluluskan untuk BPR.

Pemohon BPR boleh merujuk Soalan Lazim (FAQ) yang dimuat naik di portal rasmi BPR iaitu bpr.hasil.gov.my bagi mendapatkan maklumat lanjut.

Bernama

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

 [Laporan LAKSANA](#)

 [Tender](#)

POPULAR TAGS

BERNAMA

TENGKU ZAFRUL

BAJET 2022

COVID-19

LAPORAN LAKSANA

TMK 1

KELUARGA MALAYSIA

PENJANA

PRIHATIN

TEAM MOF

PRICE OF PETROLEUM

HARGA MINYAK